Laman allamanda

Edisi 02 / 2025

Majlis Perbandaran Kulim



ANUGERAH KEPIMPINAN PBT TERBAIK (PERBANDARAN)

MPKK DINOBATKAN JOHAN KESELURUHAN

Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 2025

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : MY - QMS 03414

CERTIFIED TO ISO 37001 : 2016
CERT. NO. : ABMS 00247

KULIM BERSIH, INDAH, MAJU DAN SELAMAT

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

- MPKK Terima Kunjungan YB Mejar (B) Mansor Bin Zakaria
- Majlis Meraikan Persaraan Tuan Pegawai Daerah Kulim dan Pertukaran Pegawai Kesihatan Kulim..... 03
- Perhimpunan Anggota Bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim - Suntikan Semangat Menuju Sukan PBT 2025..... 04
- Hari Bertemu Pelanggan Kukuhkan Hubungan MPKK dan Komuniti 05
- MPKK Dinobatkan Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 2025..... 06
- Majlis Pelancaran Kempen Pasar Awam Bersih PBT Tahun 2025
- Kulim Inn Tawarkan Pakej Majlis Eksklusif Dengan Konsep Menarik 07
- Hari Bertemu Pelanggan Zon 10 Dan Zon 11 – Mendekatkan Perkhidmatan MPKK Kepada Pelanggan
- Hari Bertemu Pelanggan Zon 6 dan Zon 7 Bersama Asyura Mastercook 1447H…….. 08
- MPKK Semarakkan Patriotisme Melalui Perhimpunan Korporat Dan Program Kibar Jalur Gemilang 2025
- Kunjungan Hormat Dan Perbincangan Isu-isu Perancangan Pembangunan..... 09
- Temu Duga Penyewaan Gerai Majlis Pebandaran Kulim
- MPKK Sertai SIBS 2025 - Memperkukuh Kerjasaman Pelaburan Negeri Kedah..... 10
- Gotong-Royong Simbol Kerjasama Dan Keprihatinan…..... 11
- MPKK Perkasa Budaya Sihat Melalui Program IFitEr…… 12
- Tahniah ZON 9 Menjuarai Piala YDP 2025
- Diiktiraf Sebagai NO 1 Bandar Mampan Negeri Kedah Dan Smart
- City Early Adopter 2025……. 13
- Lawatan Ke Kilang EVE Energy Malaysia Serta Perbincangan Pelan Pelaburan Masa Hadapan……..
- Putrajaya Festival Of Ideas (FOI) 2025 – Perkukuh Jaringan Kolaborasi Strategik……..... 14
- Sesi Libat Urus Penerangan Pelaksanaan Nilaian Baharu 2025 15
- Lensa Sesi Libat Urus Penerangan Pelaksanaan Nilaian Baharu 2025 …… 16
- ALAMKU Family Fun Walk 2025 " Together We Walk, Together We Grow"
- Tahniah Kepada Johan Pertandingan Bola Jaring Zon-Zon Ahli Majlis MPKK 2025……..... 17
- Lawatan Ketua Setiausaha Negara Ke Kulim Intelligent Command Center (KICC)……... 18
- Terus Unggul : KSN Iktiraf Projek RKB Sebagai Model Pemudah cara Perkhidmatan…….. 19
- Program CSR Bersama UNIKL MSI – Gotong-royong Pembersihan Kawasan Taman Kelulut MPKK Dan Kempen Kesedaran Antirasuah 20
- Pemantauan Tapak Demi Keselamatan Penduduk
- MPKK Perkukuh Komitmen Dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam Negara…… 21
- Sesi Taklimat Prapendaftaran Dan Praundian Petak Niaga Bazar Ramadan 2026 / 1447H……..... 22
- Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran Senarai Nilaian Baharu 2025……..... 23
- Hari Bertemu Pelanggan- Suara Anda, Keutamaan Kami…. 24
- Majlis Graduasi ALAMKU Dan Konsert Tahunan Kali KE-11
- Latihan Kebakaran MPKK- Memperkasa Kesiapsiagaan Menjamin Keselamatan Warga Kerja…… 25

INFO PROGRAM / ACARA

- Program Memasak Bubur Asyura Majlis Perbandaran Kulim Bagi Tahun 2025 Bersamaan 1447 H
- Gotong-royong Hari Cuci Malaysia 2025……26
- Kulim Berseri, Merdeka Disemai- Warna-warni Sempena Pertandingan Kebersihan Dan Hiasan Merdeka Ke-68…….. 27
- Program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2025 – Kulim Healthy Run (KHCR)..... 28
- Program Sumbangan Kasih Hari Deepavali 2025..... 29
- Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebersihan Dan Hiasan Merdeka Ke-68……..... 30

INFO BENCANA

- Misi Bantuan Dan Pembersihan Pasca Banjir Di Kulim……. 31

INFO LATIHAN / BENGKEL

- Bengkel Pasca Bencana Zon Ahli Majlis MPKK
- Pengukuhan Integriti MPKK Melalui SPAR…… 33
- Bengkel Penstrukturan Perjawatan dan Bengkel Pelan Strategik MPKK 2026 – 2030……. 34
- Kulim

INFO DELEGASI

- Lawatan Kawal Selia Paun Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- Kunjungan Syarikat Pelabur Geormicro Ke Majlis Perbandaran Kulim
- Sinergi MPKK Dan JKR Ke arah Bandar Pintar…… 35
- Lawatan Kerja PLAN Malaysia Ke Majlis Perbandaran Kulim
- Lawatan Kerja Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah Bersama Jabatan Pertanian Negeri Kedah Serta Pejabat Pertanian Daerah Kulim……..... 36
- Lawatan Kerja Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa / PLANMalaysia Pulau Pinang
- Lawatan Pasca Audit BPEN Dan Mida Ke Kulim…..... 37
- Memperkukuh Tadbir Urus Strata Lawatan Kerja Majlis Daerah Baling
- Lawatan Oleh Bahagian Perunding Awam Kejuruteraan Awam Jabatan Kerajaan Tempatan……..... 38

INFO ANUGERAH

- MPKK Terima Pengiktirafan Pengurusan Alam Sekitar –WMAM
- Penghargaan "Prihatin Warga Emas" Untuk Majlis Perbandaran Kulim
- MPKK Terima Pengiktirafan Sijil Audit Bersih..... 39
- Majlis Perbandaran Kulim Diiktiraf Sebagai Smart City Adopter 40
- Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Tahun 2025 (AKM 2025)…..... 41

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff,
DSDK., PSD.,PMW., SDK., AMK., KAT., AMN., BCK.
Yang Dipertua MPKK

PENASIHAT
Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, AMK., BCK.
Puan Setiausaha MPKK

KETUA EDITOR
Puan Munira binti Abdul Rahim
Ketua Unit Komunikasi Korporat
dan Perhubungan Awam

EDITOR
Puan Norhasnida binti Othman
Pembantu Tadbir
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUFOTO

Encik Syaiful Adnan Bin Othman
Pembantu Operasi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

SIDANG EDITORIAL / SUMBER MAKLUMAT
Jabatan Khidmat Pengurusan
Jabatan Perbendaharaan
Jabatan Perancangan Dan Landskap
Jabatan Kawalan Bangunan
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Kejuruteraan
Unit Undang-Undang
Unit OSC
Bahagian Pembangunan Organisasi
Bahagian Pengurusan Maklumat

KONSEP DAN PENERBITAN
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Kulim

MPKK TERIMA KUNJUNGAN
YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

01 Julai 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) berbesar hati menerima kunjungan YB. Mejar (B) Mansor Bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Kedah bagi mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perancang Negeri (JPN) Kedah Bil. 3/2025 yang telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, MPKK.



Mesyuarat ini turut dihadiri oleh ahli jawatankuasa JPN Kedah dan wakil-wakil jabatan bagi memperkukuh sinergi antara PBT dan Kerajaan Negeri dalam perancangan pembangunan strategik yang efisien dan berimpak tinggi.



MPKK terus komited sebagai rakan pelaksana dasar negeri ke arah pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat.

MAJLIS MERAIKAN PERSARAAN
TUAN PEGAWAI DAERAH KULIM DAN PERTUKARAN PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KULIM

02 Julai 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan majlis penghargaan kepada Tuan Pegawai Daerah Kulim, Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli yang akan bersara wajib pada 05 Julai 2025 ini setelah 30 tahun berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri Kedah, serta meraikan pertukaran YBrs. Dr. Mohd Zukri bin Ibrahim, Pegawai Kesihatan Daerah Kulim yang kini bertugas di Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar.



YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK mewakili seluruh warga MPKK dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala jasa, sumbangan dan khidmat bakti mereka kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Kulim.



Turut hadir dalam majlis penghargaan ini, Ahli-ahli Majlis, Setiausaha MPKK, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi serta ketua-ketua jabatan MPKK.

PERHIMPUNAN ANGGOTA

BERSAMA YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULIM SUNTIKAN SEMANGAT MENUJU SUKAN PBT 2025

3 Julai 2025 - Satu perhimpunan anggota bersama Dato' Yang Dipertua telah diadakan di Lobi Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), menghimpunkan seluruh anggota bersama YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.

Perhimpunan ini diadakan khusus sebagai sokongan dan dorongan kepada kontinjen sukan MPKK yang bakal bertanding dalam Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2025 yang akan berlangsung di Majlis Daerah Baling sebagai tuan rumah, minggu hadapan.

Dalam ucapannya, Dato' Yang Dipertua menekankan bahawa kejohanan ini bukan sekadar pentas pertandingan, tetapi merupakan wadah memperkukuh semangat kesukanan, memupuk disiplin, dan mempererat silaturahim sesama pasukan.

Dato' Yang Dipertua menyeru semua atlet MPKK agar bertanding dengan penuh dedikasi dan semangat juang yang tinggi, sambil menzahirkan harapan agar segala usaha dan latihan yang telah dilalui sebelum ini membuahkan hasil kejayaan yang membanggakan. Dato' Yang Dipertua turut menasihati agar setiap peserta menjaga keselamatan diri sepanjang kejohanan berlangsung serta tidak bertindak agresif dalam permainan.

Majlis turut diserikan dengan sesi penyerahan pakaian rasmi kontinjen kepada para pengurus pasukan MPKK, menandakan kesiapsiagaan kontinjen untuk menggalas cabaran dalam sembilan acara sukan yang dipertandingkan iaitu petanque, bola sepak, badminton, sepak takraw, tenpin boling, bola jaring, dart, karom dan e-sukan.

Turut hadir memberikan sokongan ialah ahli-ahli majlis; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; ketua-ketua jabatan serta warga kerja MPKK pada pagi ini.











HARI BERTEMU PELANGGAN KUKUHKAN
HUBUNGAN MPKK DAN KOMUNITI

05 Julai 2025 — Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) bagi Zon 15 dan Zon 16 di Dewan Mahsuri, Padang Serai. Program ini menyediakan platform interaksi secara langsung kepada komuniti untuk berinteraksi dengan MPKK serta pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang menawarkan perkhidmatan.



Antara agensi yang terlibat ialah Pejabat Daerah dan Tanah Kulim, PDRM, Perpustakaan Awam Kulim, Pejabat Zakat, Tabung Haji, PERKESO, SWCorp, SADA, Kolej Komuniti, KWSP, Heitech Padu Sdn. Bhd. dan pelbagai kaunter perkhidmatan MPKK. Semua agensi memberikan penerangan, menyediakan kemudahan kaunter serta membantu menyelesaikan pertanyaan penduduk.



Program turut dimeriahkan dengan aktiviti menarik seperti pertandingan mewarna, sepak penalti dan menganyam daun palas bagi menggalakkan penglibatan pelbagai golongan dan mengeratkan hubungan komuniti dengan pihak berkuasa.



Yang Dipertua MPKK, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff berkata, "Program HBP akan diteruskan secara berperingkat di semua zon MPKK bagi memudahkan penduduk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan, serta memberi ruang untuk meluahkan isu dan aduan secara langsung dalam sesi dialog ini. Jika perkara boleh dijawab segera, saya akan jawab di sini. Jika perlukan semakan lanjut, ia akan dicatat dan diambil tindakan susulan."



Program ini turut dihadiri oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK; Encik Sharizal Bin Said, Ahli Majlis Zon 15, Tuan Haji Md Nawiral Musaffa Bin Masdom, Ahli Majlis Zon 16, Pegawai Kawasan Zon 15 dan 16 serta ketua-ketua jabatan yang komited memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.







MPKK DINOBATKAN JOHAN KESELURUHAN

KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH 2025











10 Julai 2025 - Sorakan gemuruh! Peluh dan semangat akhirnya membuahkan hasil apabila Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mencipta sejarah dengan menjuarai keseluruhan buat julung kalinya!

Detik bersejarah ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Negeri Kedah dalam Malam Perasmian dan Penutup yang penuh gilang-gemilang bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Majlis Daerah Baling selaku tuan rumah yang menganjurkan kejohanan ini.

Turut hadir, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua dan Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK bersama seluruh kontinjen atlet yang berjuang mengharumkan nama MPKK.

🎖️ **Pingat Kemenangan MPKK**:
🥇 3 Pingat Emas – Tenpin Boling, Karom dan E-Sukan
🥈 3 Pingat Perak – Dart, Sepak Takraw dan Bola Sepak
🥉 1 Pingat Gangsa – Petanque

💪 Tahniah kepada seluruh wira dan wirawati atlet MPKK! Keringat dan semangat anda menjadi nadi kejayaan luar biasa ini.
🔥 Kita bukan sekadar bertanding. Kita menakluk dengan semangat yang jitu bukan sahaja dalam kesukanan malahan secara langsung membawa matlamat visi dan misi MPKK!

MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN PASAR AWAM BERSIH PBT TAHUN 2025



22 Julai 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah melancarkan Kempen Pasar Awam Bersih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2025 bertempat di Pasar Besar, Kulim.

Kempen ini merupakan salah satu inisiatif penting di bawah kendalian pihak berkuasa tempatan seluruh negara, selaras dengan komitmen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memastikan pasar awam menjadi tempat yang bersih, selamat, sihat dan sejahtera.

Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK, dalam ucapan perasmiannya menyatakan bahawa pasar awam bukan hanya tempat untuk urusan jual beli, tetapi juga sebagai nadi ekonomi dan tempat interaksi sosial komuniti.

Turut hadir, Ustaz Mohd Iskandar Shah bin Ibrahim, Ahli Majlis Zon 03; Encik Sugumaran a/l Ariputhri, Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) , Cawangan Kulim; Encik Ahmad Rizwan Hassan bin Basroh , Pengurus Pejabat Keselamatan Sosial (PERKESO) Kulim; Encik Muhammad Yuzai Bin Che Muda, Pengurus SWCorp Cawangan Kulim; Encik Hasif bin Mohd Ghause, Pengurus Syarikat E-Idaman Sdn Bhd; Pengerusi Persatuan Usahaniaga Kawasan Kulim; serta Pengarah jabatan MPKK.







KULIM INN TAWARKAN PAKEJ MAJLIS EKSKLUSIF
DENGAN KONSEP MENARIK

29 Julai 2025 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kulim Inn dan Alamku dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK, di Dewan Alamanda, Kulim Inn dengan kehadiran Puan Setiausaha serta ketua-ketua jabatan bagi meneliti prestasi hasil, perbelanjaan, aktiviti dan penyelenggaraan kemudahan.



Kulim Inn kini menawarkan sewaan tapak dan pakej majlis dengan pelbagai konsep menarik seperti taman eksklusif, English style, tradisional, klasik dan moden. Pakej ini sesuai untuk acara hari lahir, hi-tea, reunion dan makan malam dengan tempahan minimum 40 hingga 50 orang. Untuk pertanyaan, hubungi 04-4900420 atau layari Facebook rasmi Kulim INN Kulim.



HARI BERTEMU PELANGGAN ZON 10 DAN 11
MENDEKATKAN PERKHIDMATAN MPKK KEPADA PELANGGAN







3 Ogos 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan Zon 10 dan Zon 11 di Masjid Sungai Seluang, Lunas. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan MPKK dengan masyarakat serta memudahkan penduduk mendapatkan perkhidmatan secara langsung.

Antara pengisian program termasuk kaunter perkhidmatan MPKK, bayaran Cukai Taksiran, aduan awam, pemeriksaan kesihatan percuma, pameran AADK dan PDRM serta jualan barangan keperluan asas makanan. Program turut dihadiri Setiausaha MPKK, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi; YB Khairul Anuar bin Ramli, ADUN Lunas; Ahli-Ahli Majlis dan pegawai MPKK.

MPKK merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, selaras dengan komitmen MPKK untuk terus menyantuni dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

HARI BERTEMU PELANGGAN ZON 6 DAN ZON 7
BERSAMA ASYURA MASTERCOOK 1447H







10 Ogos 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan bagi Zon 6 dan Zon 7 di Stadium Kulim yang digabungkan dengan acara tradisi Asyura Mastercook 1447H.

Program ini menjadi platform kepada masyarakat untuk berinteraksi secara langsung dengan pihak MPKK melalui penyediaan pelbagai kaunter perkhidmatan serta penyertaan agensi luar seperti PDRM, AADK, LPPKN dan KPDN melalui Jualan Rahmah. Selain itu, pertandingan Mastercook Bubur Asyura turut disertai pasukan daripada Zon 1 hingga Zon 18, Puspanita serta Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK yang menampilkan kreativiti resipi tradisi masyarakat.

Program ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK, dan turut dihadiri Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; YB Khairul Anuar bin Ramli, ADUN Lunas; Ahli-Ahli Majlis serta pegawai-pegawai MPKK.





MPKK SEMARAKKAN PATRIOTISME

MELALUI PERHIMPUNAN KORPORAT DAN PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG 2025









17 Ogos 2025 - Sempena Bulan Kemerdekaan, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menyemarakkan Bulan Kemerdekaan melalui Perhimpunan Korporat dan Program Kibar Jalur Gemilang 2025.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis MPKK untuk menerima bendera sebagai simbolik menyemarakkan Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi semua zon kawasan masing-masing.

Kemuncak program ialah sesi kempen Kibar Jalur Gemilang! Deretan kenderaan jabatan dipasang bendera dengan megah, oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan sebagai simbol perpaduan dan patriotisme seluruh warga MPKK.

KUNJUNGAN HORMAT

DAN PERBINCANGAN ISU-ISU PERANCANGAN PEMBANGUNAN

25 Ogos 2025 - YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua bersama Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK telah membuat kunjungan hormat ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Delegasi ini disambut dengan sangat baik oleh TPr. Saidin bin Lateh, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) PLANMalaysia. Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk berbincang tentang Penyelarasan Rancangan Pembangunan yang memerlukan khidmat nasihat daripada Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

Pihak MPKK amat menghargai peluang untuk mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pihak PLANMalaysia dan taklimat yang diberikan oleh Encik Shahril Nazmi bin Daud, Bahagian Rancangan Fizikal Negara, PLANMalaysia. Taklimat ini turut dihadiri oleh Tuan Munizam bin Abdul Aziz, Pengarah PLANMalaysia Negeri Kedah.





TEMU DUGA PENYEWAAN GERAI
MAJLIS PERBANDARAN KULIM

30 September 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan sesi temu duga bagi pemilihan penyewa gerai milik MPKK yang diadakan di Bilik Jawatankuasa MPKK.







Temuduga ini dijalankan oleh panel penilai yang terdiri daripada Ahli Majlis, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Ketua Bahagian Peniaga Kecil dan Penjaja serta Pegawai Undang-Undang MPKK.

Antara lokasi gerai yang dibuka untuk penyewaan termasuklah Medan Citarasa (Tertutup), Medan Bandar Kulim, Pusat Penjaja Seri Kenangan (Pekan Karangan), Kiosk Pondok Bas, Arked An-Nur Padang Serai, Pusat Perniagaan Seri Cendana Padang Serai serta Pasar Besar Kulim.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab MPKK dalam menyediakan peluang perniagaan kepada masyarakat setempat, khususnya peniaga kecil dan penjaja.

MPKK bukan sahaja berperanan dalam mengurus pembangunan bandar, kebersihan dan kesejahteraan awam, malah turut berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi tempatan melalui penyediaan fasiliti niaga yang lebih tersusun, bersih dan kondusif.

MPKK SERTAI SIBS 2025
MEMPERKUKUH KERJASAMA PELABURAN NEGERI KEDAH

8 Oktober 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dengan kerjasama Invest Kedah Berhad dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) turut serta dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS 2025) yang berlangsung selama empat hari dari 8 Oktober sehingga 11 Oktober 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).





Majlis perasmian SIBS 2025 telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor. Turut hadir dalam majlis ini ialah YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri; YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor; YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan dif kehormat yang lain.

GOTONG-ROYONG
SIMBOL KERJASAMA DAN KEPRIHATINAN

18 Oktober 2025 – Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) bersama APM Delta Seating System Sdn Bhd, disertai warga kerja MPKK, warga komuniti Zon 16 dan PUSPANITA MPKK telah diadakan di Mini Stadium Mahsuri, Padang Serai.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pasukan CSR daripada APM Delta Seating System Sdn Bhd yang diketuai oleh Encik Anand a/l Somasundram yang sudi menawarkan kerjasama atas inisiatif CSR bersama MPKK.





Turut hadir menyertai program ini ialah Ahli Majlis Zon 16, Encik Md Nawiral Musafaa Bin Masdom; Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Puan Che Murshiha binti Makhtar; Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Tuan Haji Zaidi bin Zainun.



Penganjuran program CSR ini menjadi platform untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama antara pihak industri, kerajaan tempatan dan komuniti dalam usaha mewujudkan persekitaran dan kemudahan awam yang bersih, ceria dan lestari.







MPKK PERKASA BUDAYA SIHAT
MELALUI PROGRAM IFitEr

21 Oktober 2025 - Perhimpunan Korporat Anggota dan Majlis Penutupan Program Penurunan Berat Badan I Fit and Eat Right (IFitEr) serta Penyampaian Sijil Pesara telah diadakan bertempat di Pekarangan Lobi MPKK.



Penyampaian Sijil Kepada Anggota MPKK Yang Bakal Bersara

Program IFitEr dengan penglibatan Ahli Majlis dan anggota MPKK telah diadakan bermula pada 27 Februari 2025 sehingga 25 Ogos 2025, menerusi anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK dengan kerjasama Wellness Hub Kulim.



Melalui perhimpunan korporat kali ini, sesi perkongsian daripada Dr. Liyanatul Najwa binti Zakaria, Pegawai Kesihatan Daerah Kulim menekankan bahawa kesihatan bermula daripada diri sendiri dengan konsep “Sihat Itu Saya”. Berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, kadar obesiti rakyat Malaysia semakin meningkat dan perkara ini sangat membimbangkan.



YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK, merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menyempurnakan program IFitEr dengan cemerlang. Beliau berharap agar, program IFitEr ini dapat diteruskan pada tahun akan datang kerana ia selari dengan usaha MPKK dalam menitikberatkan aspek kesihatan dan kebajikan warga kerja.



Bagi meraikan Majlis Penutupan Program IFitEr, sesi penyampaian hadiah kepada anggota yang telah berjaya menurunkan berat badan telah disempurnakan dan diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada anggota yang bakal bersara sebagai tanda terima kasih atas jasa dan sumbangan sepanjang perkhidmatan. Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada semua!


Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang IfitEr

TAHNIAH ZON 9
MENJUARAI PIALA YDP 2025



3 November 2025 – Tahniah kepada Zon 9 (Taman Selasih) yang dinobatkan sebagai juara Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Zon-Zon Ahli Majlis Sempena Piala Yang Dipertua MPKK 2025. Zon 16 (Padang Serai Selatan) pula meraih naib johan, diikuti Zon 11 (Taman Makmur-Menja) di tempat ketiga dan Zon 15 (Padang Serai Utara) di tempat keempat.







Syabas kepada semua pasukan yang telah menunjukkan semangat kesukanan dan saingan hebat sepanjang pertandingan. Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat untuk terus mencipta pencapaian pada masa akan datang.

DIIKITIRAF SEBAGAI NO.1 BANDAR MAMPAN
NEGERI KEDAH DAN SMART CITY EARLY ADOPTER 2025



4 November 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menghadiri Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2025 peringkat Negeri Kedah yang berlangsung dengan jayanya di Masjid Sultanah Bahiyah, Baling.



Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah Darul Aman, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor. Turut hadir ialah YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia; YB Mejar (B) Mansor bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Kedah; TPr Mohd Munizam bin Abdul Aziz, Pengarah PLANMalaysia Kedah; serta Encik Yazlan Sunardie bin Che Yahaya, Yang Dipertua Majlis Daerah Baling.



Dalam majlis tersebut, MPKK telah menerima pengiktirafan Bandar Mampan MURNInets dengan pencapaian 94.81%, sekali gus meraih tempat pertama di Negeri Kedah. Pengiktirafan yang disampaikan kepada YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK, ini mencerminkan kejayaan pelaksanaan dasar dan inisiatif mampan di Daerah Kulim.

Selain itu, MPKK turut menerima pengiktirafan Smart City Early Adopter 2025 sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen dalam pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar Kulim, sejajar dengan aspirasi Kedah 2035 dan Smart Nation 2040.

LAWATAN KE KILANG EVE ENERGY MALAYSIA
SERTA PERBINCANGAN PELAN PELABURAN MASA HADAPAN







4 November 2025 – Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, telah mengadakan lawatan kerja ke Kilang EVE Energy Sdn. Bhd. di Kulim EVE Industrial Park (KEIP), diiringi oleh delegasi kehormat yang terdiri daripada YB Dr. Haim Hilman bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi serta Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Kedah dan Tuan Mohamad Rizal bin Mohamad Radzi, Pegawai Daerah Kulim.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) turut mengiringi delegasi kehormat dan menyertai lawatan tersebut bersama-sama ketua-ketua jabatan teknikal MPKK serta wakil daripada Invest Kedah Berhad.

Ketibaan delegasi telah disambut oleh Dr. Liu Jincheng, Pengerusi EVE Energy. Lawatan ini bertujuan meninjau kemajuan pelaksanaan pelaburan Fasa 1 dan Fasa 2, selain berbincang mengenai perancangan pelaburan baharu Fasa 3 syarikat tersebut di Kulim.

Dalam sesi taklimat itu, pihak EVE Energy memaklumkan bahawa jumlah keseluruhan pelaburan yang dirancang di Malaysia, khususnya di Kulim, kini melebihi RM16 bilion, menjadikan Kulim sebagai tumpuan utama pembangunan industri berteknologi tinggi dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kedah.

PUTRAJAYA FESTIVAL OF IDEAS (FOI) 2025 -
PERKUKUH JARINGAN KOLABORASI STRATEGIK



6 November 2025 – Pada hari ketiga Putrajaya Festival of Ideas (FOI) 2025 telah berlangsung Majlis Pertukaran Surat Hasrat (Letter of Intent, LOI) antara Universiti Utara Malaysia (UUM), Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

Majlis ini disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Fo'ad B Sakdan, Naib Canselor UUM, bersama Prof. Dr. Ram Al Jaffri bin Saad, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, serta Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK. Turut hadir ialah Tuan Haji Zaidi bin Zainun, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

SESI LIBAT URUS DAN PENERANGAN PELAKSANAAN
SENARAI NILAIAN BAHARU 2025



3 November 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengadakan Sesi Libat Urus dan Penerangan Pelaksanaan Senarai Nilaian Baharu 2025 bagi memberi penerangan terperinci kepada pihak berkepentingan mengenai pelaksanaan senarai nilaian yang akan menjadi asas kepada cukai taksiran tahun 2025.

Pelaksanaan ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kedah pada 16 Oktober 2025 serta peruntukan Seksyen 137 dan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mewajibkan pihak berkuasa tempatan menyediakan Senarai Nilaian Baharu setiap lima tahun.

Sesi ini telah dihadiri oleh YB Mejar (B) Mansor bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan; YB Dato' Ustazah Hajah Siti Ashah binti Haji Ghazali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Kemiskinan dan Pembangunan Insan merangkap ADUN Merbau Pulas; YB Encik Khairul Anuar bin Ramli, ADUN Lunas; Encik Mohamad Rizal bin Mohamad Radzi, Pegawai Daerah Kulim; Ahli-Ahli Majlis MPKK, wakil agensi berkepentingan, rakan media serta ketua jabatan dan anggota MPKK.

Penilaian semula ini dilaksanakan bagi memastikan kadar cukai taksiran mencerminkan nilai pasaran sebenar hartanah, sekali gus menjamin keadilan kepada semua pemilik harta. Berbeza dengan sistem lama yang menggunakan asas Nilai Tahunan (kadar sewa setahun), Senarai Nilaian Baharu 2025 menggunakan asas Nilai Tambah (Improved Value) iaitu penilaian berdasarkan nilai pasaran semasa hartanah bagi tahun 2024.

Kadar cukai baharu yang diperkenalkan adalah jauh lebih rendah berbanding kadar lama. Sebagai perbandingan, kadar bagi kediaman adalah 0.12%, kediaman kos rendah 0.10%, perniagaan 0.20% dan industri 0.30%, berbanding kadar lama antara 2% hingga 12% berdasarkan sistem penilaian tahun 1984.

Pelaksanaan ini bukan bertujuan menambah beban cukai, tetapi menyeragamkan kadar secara lebih adil dan munasabah serta menyokong peningkatan perkhidmatan perbandaran, termasuk penyelenggaraan jalan, longkang, lampu jalan, kutipan sisa pepejal, pembersihan awam, taman rekreasi, kemudahan awam dan infrastruktur bandar.

MPKK komited melaksanakan Senarai Nilaian Baharu 2025 secara telus, adil dan berhemah demi kesejahteraan masyarakat. Kerjasama pihak berkuasa tempatan, pemimpin masyarakat, media dan komuniti penting bagi memastikan dasar ini dilaksanakan dengan berkesan serta meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan kepada warga Kulim.

LENSA









3 NOVEMBER 2025

Sesi Libat Urus Dan Penerangan Pelaksanaan Senarai Nilaian Baharu 2025



SESI LIBAT URUS DAN DIALOG PELAKSANAAN SENARAI NILAIAN BAHARU CUKAI TAKSIRAN BERSAMA PEMIMPIN KOMUNITI DAN NGO

















13 NOVEMBER 2025

Sesi Soal Jawab dan Dialog Berkenaan Senarai Nilaian Baharu Cukai Taksiran 2025 Bersama NGO Masyarakat Cina









19 NOVEMBER 2025

Mpkk Adakan Dialog Bersama NGO Masyarakat India Berhubung Senarai Nilaian Baharu Cukai Taksiran









ALAMKU FAMILY FUN WALK 2025
"TOGETHER WE WALK,TOGETHER WE GROW"

08 November 2025 - Program Family Fun Walk Alamku telah berlangsung dengan penuh meriah dan keceriaan di pekarangan Alamku, Taman Kejora dan Kampung Padang Kulim.



Tahniah buat Puan Norasmawati binti Zakaria, Pengurus Alamku Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) atas usaha hebat bersama pasukan dalam menjayakan program yang penuh makna ini!





Terima kasih juga kepada semua ibu bapa, anak-anak dan warga Alamku atas sokongan dan semangat yang luar biasa!

Lebih istimewa, program kali ini turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKK, Encik Halimin bin Lahaming.



Melalui program ini, kita bukan sahaja dapat beriadah bersama-sama, tetapi juga dapat memupuk gaya hidup sihat dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

TAHNIAH KEPADA JOHAN PERTANDINGAN BOLA JARING
ZON-ZON AHLI MAJLIS MPKK 2025







16 November 2025 - Pertandingan Bola Jaring Zon-Zon Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) 2025 telah berlangsung di Kompleks Sukan KHTP. Turut hadir memeriahkan acara ialah Ahli Majlis dari zon-zon serta pengarah-pengarah jabatan MPKK.

Berdasarkan Keputusan rasmi, di mana Kumpulan Mutiara 17 muncul sebagai Johan, manakala Mahkota Highlands dinobatkan sebagai Naib Johan. Tempat ketiga bersama pula dimenangi oleh pasukan NetBellaz dan Supergirl.

Program turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua dan YBhg. Datin Azlina Binti Md Zuki, selaku Pengerusi Puspanita MPKK telah berbesar hati menyampaikan pingat dan piala kepada para pemenang.

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA
KE KULIM INTELLIGENT COMMAND CENTER (KICC)



16 November 2025 –Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan rasmi Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, sempena perasmian Kulim Intelligent Command Center (KICC).

Ketibaan beliau disambut oleh Yang Dipertua MPKK, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, bersama barisan pengurusan tertinggi MPKK. Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali.

Dalam lawatan tersebut, YBhg. Tan Sri KSN diberikan taklimat mengenai pelaksanaan transformasi bandar pintar Kulim, termasuk pembangunan Kulim Integrated Database System (KIDS) dan pengoperasian KICC sebagai pusat





kawalan pintar masa nyata. KICC menghimpunkan lebih 20 modul pintar bagi menyokong pemantauan, pengurusan data dan penyampaian perkhidmatan perbandaran.

Antara inisiatif yang dipersembahkan ialah penggunaan CCTV berteknologi kecerdasan buatan (AI) untuk pemantauan keselamatan, sistem i-Meeting OSC bagi mempercepatkan kelulusan pelan serta Dashboard Bencana untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi risiko.

Taklimat turut mengetengahkan potensi Kulim Industrial Corridor sebagai pemacu industri berteknologi tinggi menerusi penyertaan pelabur antarabangsa seperti EVE Energy, Shangtai dan Cosmx.

Lawatan rasmi kali kedua YBhg. Tan Sri KSN ke MPKK ini mencerminkan sokongan berterusan terhadap agenda transformasi digital Kulim. MPKK komited menjadikan Kulim sebagai model bandar pintar berasaskan integrasi data, perkhidmatan cekap dan perancangan bandar berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi Kulim Bandar Pintar 2035.

TERUS UNGGUL : KSN IKTIRAF PROJEK RKB
SEBAGAI MODEL PEMUDAH CARA PERKHIDMATAN



16 November 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, atas kunjungan hormat dan amanat beliau sempena Program Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Tahun 2025 di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman.

Dalam lawatan kerja ke Negeri Kedah, beliau menegaskan komitmen kerajaan terhadap pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Sebanyak 1,100 projek RKB telah didaftarkan di seluruh negara, manakala 141 projek berjaya dilaksanakan melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pusat Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek berkenaan berjaya menjimatkan RM1.4 bilion melalui peningkatan kecekapan proses dan penyusunan semula aliran kerja.

Kesemua projek dipilih melalui proses saringan ketat oleh MPC dan pengurusan KSN bagi memastikan hanya inisiatif pemudah cara terbaik diberikan pengiktirafan.

MPKK turut berbangga apabila dua projek menerima Sijil Penghargaan Khas KSN, iaitu:

1. Kelulusan Kebenaran Merancang Pantas
2. Kelulusan Pelan Landskap Pantas

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen MPKK dalam meningkatkan keberkesanan sistem perkhidmatan serta menyokong agenda reformasi Kerajaan Persekutuan.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YB Dato' Seri Norizan Khazali, dan Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, Dato' Zepri Saad



PROGRAM CSR BERSAMA UNIKL MSI

"GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN TAMAN KELULUT MPKK DAN KEMPEN KESEDARAN ANTIRASUAH"

25 November 2025 - Program ini merupakan inisiatif "Corporate Social Responsibility" (CSR) yang dianjurkan dengan kerjasama antara UniKL MSI (Malaysian Spanish Institute) dengan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) di mana ia menggabungkan dua elemen utama yang penting untuk komuniti dan tadbir urus yang baik iaitu aktiviti pembersihan alam sekitar serta kempen kesedaran integriti.

Lokasi yang dipilih adalah di Taman Kelulut Komuniti, Majlis Perbandaran Kulim.

Elemen utama adalah aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan di mana ianya bertujuan untuk membersihkan semula kawasan Taman Kelulut Komuniti agar dapat memastikan sistem kelulut tersebut beroperasi dalam persekitaran yang sihat dan kondusif. Peserta terdiri daripada pelajar dan kakitangan UniKL MSI serta pegawai dan anggota MPKK daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat.



Program ini turut menyelitkan kempen kesedaran mengenai integriti dan antirasuah, yang merupakan fokus penting bagi agensi kerajaan seperti MPKK. Antara tujuan utama kempen ini adalah untuk menyemai kesedaran dan nilai-nilai antirasuah dalam kalangan peserta dan komuniti.
Ini sejajar dengan usaha MPKK untuk menjadi sebuah badan pentadbiran yang cekap, telus, dan berintegriti.

Simbolik sesi penerangan dan penyerahan bahan kempen iaitu poster antirasuah telah diadakan oleh para peserta kepada pihak MPKK. Ini memastikan program CSR bukan sahaja memberi manfaat fizikal kepada alam sekitar tetapi juga nilai moral kepada masyarakat.

Program CSR ini berjaya menyatukan agenda kelestarian alam sekitar, pembangunan komuniti, dan integriti institusi. Ia menunjukkan peranan institusi pendidikan seperti UniKL MSI dalam menyumbang kepada masyarakat di samping memberi pendedahan amali kepada pelajar mengenai khidmat komuniti dan nilai-nilai murni.







PEMANTAUAN TAPAK PEMBANGUNAN
DEMI KESELAMATAN PENDUDUK





3 Disember 2025 – Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim telah mengadakan lawatan pemantauan ke tapak pembangunan projek pemaju bagi memastikan kerja tanah dan kawalan pembangunan mematuhi piawaian teknikal serta syarat kelulusan yang ditetapkan. Pemeriksaan memberi tumpuan kepada keadaan kolam takungan sementara, sistem aliran air, titik curahan akhir (final discharge) serta keberkesanan kawalan hakisan dan kelodak bagi mengelakkan kejadian limpahan air ke kawasan penduduk.

Turut hadir ialah Setiausaha MPKK bersama Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan dan Landskap, Jabatan Bangunan, Unit OSC serta Unit Komunikasi Korporat. MPKK akan terus melaksanakan pemantauan berkala dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga keselamatan, kesejahteraan serta kepentingan awam.

MPKK PERKUKUH KOMITMEN
DALAM AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA






6 – 7 Disember 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menyertai Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025 yang berlangsung di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Konvensyen yang dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara itu menjadi platform strategik dalam memperkukuh pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien, responsif dan berfokuskan rakyat.

Mewakili suara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MPKK mengetengahkan pelaksanaan projek RKB berimpak tinggi melalui pendekatan berasaskan data dan reka bentuk semula proses bagi mengurangkan beban pematuhan serta mempercepat akses rakyat kepada perkhidmatan teras kerajaan. Penyertaan berlangsung pada 6 Disember 2025 dari jam 8.30 pagi hingga 12.35 tengah hari dan 7 Disember 2025 dari jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

SESI TAKLIMAT PRAPENDAFTARAN DAN PRAUNDIAN
PETAK NIAGA BAZAR RAMADAN 2026 / 1447H

8 – 10 Disember 2025 – Majlis Perbandaran Kulim telah mengadakan sesi taklimat prapendaftaran dan praundian petak niaga Bazar Ramadan 2026/1447H selama tiga hari bertempat di Dewan Bandaran Kulim. Sesi ini melibatkan pemohon daripada beberapa lokasi mengikut hari, iaitu Kulim, Taman Selasih, Kelang Lama dan Taman Mutiara pada hari pertama; Taman Sang Kancil, Taman Bandar Permata, Lunas, Taman Lobak dan Taman Desa Aman pada hari kedua; serta Padang Serai, Taman Mahsuri, Taman Sena dan Taman Desa Cinta Sayang pada hari ketiga.

Sepanjang tiga hari tersebut, para pemohon telah menerima taklimat daripada wakil Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, PERKESO Kulim dan E-Idaman Kulim.

Taklimat yang disampaikan memberi penekanan terhadap aspek kesihatan dan keselamatan makanan, kesihatan awam, pengurusan sisa, pematuhan amalan kebersihan serta perlindungan sosial dan keperluan caruman keselamatan bagi para peniaga.

Selain itu, Encik Mohamad Firdaus bin Saiden, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), turut menyampaikan taklimat prapendaftaran dan praundian petak niaga dengan menjelaskan prosedur, proses praundian, syarat pematuhan serta garis panduan operasi bazar yang perlu dipatuhi oleh semua peniaga bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Bazar Ramadan 2026/1447H.


















9 Disember 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah melaksanakan Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran bagi Senarai Nilaian Baharu 2025 selaras dengan peruntukan Seksyen 142(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), yang berlangsung selama tiga hari mulai 7 hingga 9 Disember 2025 bertempat di Dewan Putra, MPKK.

Sesi pendengaran ini merupakan proses susulan selepas permohonan bantahan diterima daripada para pemilik harta, bagi memberi ruang untuk mengemukakan hujahan, pertanyaan serta mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan penilaian semula cukai taksiran.

SESI PENDENGARAN BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN
SENARAI NILAIAN BAHARU 2025





Panel pendengaran terdiri daripada Puan Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah dan Penolong Pengarah, dengan sokongan penuh daripada pasukan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKK yang memastikan setiap proses berlangsung dengan lancar, teratur dan mematuhi tatacara yang ditetapkan.

Dato' Yang Dipertua turut hadir meninjau perjalanan sesi pendengaran dan berkesempatan berbual serta mendengar pandangan pemilik pegangan yang hadir.
MPKK merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam menjayakan proses semakan ini yang dilaksanakan secara telus dan berintegriti. MPKK kekal komited menyediakan perkhidmatan yang efisien, sistematik dan sejahtera kepada seluruh warga Kulim
















HARI BERTEMU PELANGGAN

SUARA ANDA, KEUTAMAAN KAMI

13 Disember 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengambil kesempatan untuk turut serta dalam program komuniti anjuran penduduk Taman Nilam Baiduri dengan mengadakan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) bagi Zon 12, 13 dan 14 bertempat di Dewan Taman Nilam Baiduri, Kulim.

Program ini bertujuan menyediakan platform interaksi secara langsung antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat, di samping membolehkan penyampaian maklumat serta maklum balas disalurkan dengan lebih berkesan.

Kehadiran Setiausaha MPKK, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi di samping Ahli Majlis Zon 12, Encik Ch'ng Kok Seng; Ahli Majlis Zon 13, Encik Jusri bin Mohd Nayan; serta Ahli Majlis Zon 14, Encik Mohd Saifuddin bin Hasan bersama pegawai kawasan (Area Officer) masing-masing turut beramah mesra serta berinteraksi bagi memperkukuh hubungan dan kerjasama dengan komuniti setempat.

Selain itu, program ini turut disertai oleh pempamer daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di samping Kaunter Khidmat Pelanggan MPKK bagi memudahkan urusan dan pertanyaan penduduk setempat.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti sukaneka telah dianjurkan oleh KRT Taman Nilam Baiduri bagi memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan penduduk.

MPKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak KRT Taman Nilam Baiduri atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kesejahteraan dan keharmonian masyarakat setempat.













MAJLIS GRADUASI ALAMKU
DAN KONSERT TAHUNAN KALI KE 11





13 Disember 2025 - Majlis Graduasi dan Konsert Tahunan Kali Ke-11 Alamku MPKK telah berlangsung dengan meriah di Dewan Alamanda, Kulim Inn.

Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, barisan pengarah-pengarah, warga Majlis Perbandaran Kulim serta ibu bapa para graduan cilik.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada graduan cilik Alamku atas kejayaan menamatkan sesi pembelajaran, serta penghargaan kepada seluruh warga pengajar Alamku atas komitmen dan dedikasi dalam membimbing serta membentuk generasi masa hadapan yang berilmu dan berakhlak mulia.

LATIHAN KEBAKARAN MPKK
MEMPERKASA KESIAPSIAGAAN, MENJAMIN KESELAMATAN WARGA KERJA





17 Disember 2025 - Latihan kebakaran telah berjaya dilaksanakan di Majlis Perbandaran Kulim dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Kulim.

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta kecekapan warga kerja Majlis Perbandaran Kulim dalam menghadapi situasi kecemasan kebakaran. Selain itu, latihan ini turut memberi pendedahan berkaitan prosedur keselamatan dan penggunaan alat pemadam api yang betul serta berkesan.

Majlis Perbandaran Kulim merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Balai Bomba dan Penyelamat Kulim atas kerjasama, bimbingan dan perkongsian ilmu yang telah diberikan.







PROGRAM MEMASAK BUBUR ASYURA

MAJLIS PERBANDARAN KULIM BAGI TAHUN 2025 BERSAMAAN 1447 HIJRAH

24 Julai 2025 - Kelab Kebajikan dan Sukan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Program Memasak Bubur Asyura yang berlangsung di Surau Az-Zuhud MPKK. Program tahunan ini bertujuan untuk memupuk semangat gotong-royong dalam kalangan warga MPKK serta memelihara tradisi memasak Bubur Asyura yang merupakan amalan dalam kalangan umat Islam.

Warga kerja MPKK dan ahli-ahli PUSPANITA MPKK turut bersama-sama turun padang, menyumbang tenaga dalam menyediakan Bubur Asyura. Inisiatif ini bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama anggota, tetapi juga memberikan peluang untuk berkongsi rezeki bersama.

Turut hadir dalam program ini, YBhg. Dato' Hj Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi PUSPANITA MPKK.






GOTONG - ROYONG

HARI CUCI MALAYSIA 2025

27 September 2025 – Sempena Hari Cuci Malaysia 2025, ratusan tangan berganding bahu, dari kanak-kanak, remaja, ibu bapa, ahli majlis, agensi kerajaan, pelajar, hinggalah komuniti setempat, semuanya turun padang mengutip sampah, merapikan dan menjadikan persekitaran Taman Tasik Putra lebih bersih serta indah.

Program ini dirasmikan oleh YB Wong Chia Zhen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim, yang penuh semangat mengingatkan para peserta dan masyarakat bahawa menjaga kebersihan bukan pilihan, tetapi satu kewajipan.

"Taman Tasik Putra dipilih kerana ia menjadi simbol perpaduan warga Kulim, tempat kita berkumpul, beriadah, dan menikmati masa bersama keluarga. Tahun ini juga bertepatan dengan Tahun Melawat Kedah 2025 – Experience Kedah, menjadikan usaha kita menjaga tasik ini sangat bermakna sebagai wajah hijau Kulim kepada pelawat dari dalam dan luar negara."






KULIM BERSERI, MERDEKA DISEMAI

WARNA-WARNI SEMPENA PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN HIASAN MERDEKA KE-68

9 dan 11 September 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), di bawah anjuran Jabatan Kesihatan Persekitaran baru-baru ini telah melaksanakan penilaian pertandingan kebersihan dan hiasan sempena Program Bulan Kemerdekaan yang Ke-68 bagi dua kategori penyertaan berikut iaitu:

Institusi Pendidikan Kerajaan dan Swasta (Sekolah)
1. SMK Padang Serai
2. SMK Jalan Paya Besar
3. SK Air Merah
4. PASTI AS- SYIFA', Taman Kenari

Agensi Kerajaan dan Swasta
1. Pejabat Pendidikan Daerah Kulim/ Bandar Baharu
2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
3. Stesen Minyak PETRONAS/ Koperasi Kota Kenari
4. Kulim Inn

Penilaian telah dijalankan oleh panel juri yang terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Jabatan Kesihatan Persekitaran, Bahagian Landskap dan Unit Audit Dalam MPKK yang bertanggungjawab menilai aspek kebersihan, keceriaan, kreativiti hiasan serta semangat patriotisme yang ditonjolkan oleh peserta sempena sambutan Bulan Kemerdekaan ke-68.













14 September 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) meneruskan lagi siri Penilaian Pertandingan Kebersihan dan Hiasan Sempena Program Bulan Kemerdekaan ke-68 bagi kategori Taman Perumahan Daerah Kulim (Persatuan Penduduk) dan salah satunya merupakan kategori daripada agensi swasta.

Penilaian telah diadakan di kawasan berikut:

1. Pusat Aktiviti Warga Emas Daerah Kulim, Taman Mutiara
2. Taman Gemilang
3. Taman Rambai / Taman Nenas
4. Taman Lembah Impiana

Semoga kesinambungan program ini terus menjadi pemangkin semangat cintakan tanah air serta menjadikan Daerah Kulim lebih bersih, ceria dan bersatu padu.



PROGRAM AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) 2025

KULIM HEALTHY CITY RUN (KHCR)

11 Oktober 2025 - Program Kulim Healthy City Run (KHCR) 2025 yang diadakan di Taman Tasik Putra, Kulim telah dirasmikan oleh YBrs. TPr. Saidin bin Lateh, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia), dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Hj. Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK).

Acara ini merupakan sebahagian daripada Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2025, yang bertujuan membudayakan gaya hidup sihat, menggalakkan aktiviti fizikal, serta memperkukuh hubungan antara komuniti, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.

Larian yang melibatkan kategori 3km, 5km dan 10km telah disertai oleh ratusan peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat. Program turut dimeriahkan dengan senamrobik, pameran agensi kerajaan, serta pelbagai 'pocket activities' seperti street soccer, sepak raga tuju, baling nyok dan tuju tin yang menceriakan suasana di Taman Tasik Putra.

Menariknya, hasil penilaian PLANMalaysia menunjukkan 85.20% penduduk Kulim berpuas hati dengan kemudahan di Taman Tasik Putra, dengan peningkatan ketara aktiviti riadah selepas pelaksanaan projek Healthy City.













PROGRAM SUMBANGAN KASIH
HARI DEEPAVALI 2025











15 Oktober 2025 -Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Program Sumbangan Kasih Hari Deepavali 2025 bertempat di pekarangan pejabat MPKK. Program ini diadakan bagi meraikan serta membantu golongan kurang berkemampuan dalam kalangan masyarakat India di daerah Kulim.

Program ini bertujuan menyantuni masyarakat yang kurang berkemampuan sempena sambutan perayaan Deepavali dengan pemberian sumbangan berbentuk kewangan kepada penerima yang layak. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha MPKK dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan memastikan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.

Bantuan kewangan tersebut telah disampaikan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK dan majlis turut dihadiri oleh kehadiran Ahli-Ahli Majlis serta Pegawai Kawasan setiap zon. Seterusnya, Ahli-Ahli Majlis akan menyalurkan bantuan tersebut kepada penerima di kawasan masing-masing.

Program ini diharapkan dapat memupuk semangat perpaduan, keprihatinan dan saling membantu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Kulim, selaras dengan hasrat MPKK untuk membina komuniti yang harmoni dan sejahtera. Semoga sambutan Deepavali membawa kebahagiaan, kedamaian dan kemakmuran kepada semua.







MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN HIASAN MERDEKA KE-68

21 Oktober 2025 - Sempena Bulan Kemerdekaan ke-68 Tahun 2025, MPKK telah menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Hiasan bagi peringkat komuniti, institusi pendidikan serta agensi kerajaan dan swasta dalam menghiasi kawasan masing-masing dengan penuh semangat patriotik.







Program ini menjadi simbol penghargaan atas komitmen tinggi masyarakat setempat dalam menjayakan pertandingan ini sekali gus menyemai semangat cintakan tanah air melalui kebersihan dan kecantikan persekitaran.

Lanjutan program tersebut, Majlis Penyampaian Hadiah pertandingan ini telah diadakan bertempat di pekarangan Lobi MPKK. Majlis turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis serta Pengarah-Pengarah Jabatan MPKK bagi meraikan para pemenang. Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.



Keputusan pemenang:-

Kategori Taman Perumahan (Persatuan Penduduk)
Tempat Pertama – Persatuan Penduduk Taman Gemilang
Tempat Kedua – Komuniti Zon 9
Tempat Ketiga – Persatuan Penduduk Islam Taman Rambai dan Taman Nenas



Kategori Institusi Pendidikan (Kerajaan dan Swasta)
Tempat Pertama – SK Air Merah
Tempat Kedua – SMK Jalan Paya Besar
Tempat Ketiga – SMK Padang Serai
Saguhati – PASTI As-Syifa'

Kategori Agensi Kerajaan dan Swasta
Tempat Pertama – Pusat Aktiviti Warga Emas Daerah Kulim
Tempat Kedua – Jabatan Pendaftaran Negara
Tempat Ketiga – Stesen Minyak Petronas / Koperasi Kota Kenari
Saguhati – Kulim Inn
Saguhati – Pejabat Pendidikan Daerah Kulim / Bandar Baharu.



Semoga usaha murni ini terus menjadi pemangkin semangat cintakan tanah air serta menjadikan bandar Kulim lebih bersih, ceria dan bersatu padu.

SENTUHAN PRIHATIN :
MISI BANTUAN DAN PEMBERSIHAN PASCA BANJIR DI KULIM

Kerja-kerja Pembersihan Kesan Banjir Kilat Di Taman Angsana

24 Oktober 2025 - Kerja-kerja pembersihan kesan banjir kilat dilaksanakan oleh pasukan Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK di Taman Angsana, Kulim.





Tumpuan diberikan kepada pembersihan longkang serta laluan air yang dipenuhi sisa banjir bagi melancarkan aliran dan mencegah risiko wabak









Sentuhan Prihatin Ke PPS Kulim

Dalam keadaan sukar ini, pasukan MPKK terus menggerakkan bantuan melalui anggota Jabatan Penguatkuasaan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekitar Kulim bagi memastikan setiap mangsa banjir mendapat makanan, minuman dan keperluan asas untuk meneruskan hari-hari mendatang.

Di saat ada keluarga yang berlindung sementara, kami hadir bersama semangat dan sokongan, agar mereka tidak merasa keseorangan.

Untuk Kulim, kita bangkit bersama.

Terus Siaga Terus Berkhidmat

Mesyuarat Penyelarasan Operasi Bantuan Bencana Banjir pagi ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua dan menghimpunkan pengarah dan wakil jabatan terlibat bagi meneliti perkembangan semasa, menyelaras tindakan susulan dan memastikan kesiapsiagaan pasukan berada pada tahap optimum dan lancar dalam meneruskan bantuan ke lokasi terlibat banjir.

MPKK komited untuk terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan demi kesejahteraan penduduk dalam menghadapi situasi bencana banjir.







SENTUHAN PRIHATIN :
MISI BANTUAN DAN PEMBERSIHAN PASCA BANJIR DI KULIM



Lawatan Turun Padang Meninjau Keadaan Banjir Di Taman Angsana

Hujan lebat yang berterusan sejak beberapa hari lalu telah menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Kulim dinaiki air, termasuk kawasan Taman Angsana yang turut terjejas.

Dato' Yang Dipertua, Puan Setiausaha bersama barisan pengurusan telah turun padang ke Taman Angsana, Kulim bagi meninjau keadaan serta bertemu sendiri dengan penduduk yang terjejas akibat banjir.

Pihak MPKK amat memahami kesulitan yang dihadapi oleh penduduk dan akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa. Usaha bersama agensi-agensi berkaitan juga dijalankan bagi memastikan langkah susulan dapat dilaksanakan secepat mungkin, termasuk kerja-kerja pembersihan dan pemantauan sistem saliran di kawasan terjejas.

Semoga semua penduduk yang terlibat dengan banjir ini diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi ujian ini. Diharapkan segala urusan dipermudahkan dan keadaan kembali pulih seperti sediakala

Pembersihan Culvert Demi Keselamatan Penduduk

Pasukan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah turun ke lokasi untuk membantu melaksanakan kerja-kerja pembersihan culvert dan laluan air di sekitar Sungai Kampung Batu 7, Sungai Tebuan dan Taman Makmur, Lunas, demi memulihkan kelancaran aliran air serta mengurangkan risiko banjir kilat.



BENGKEL PASCA BENCANA
ZON AHLI MAJLIS MPKK 2025







20 Julai 2025- Bengkel Pasca Bencana Zon Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulim 2025 yang telah berlangsung di Bilik Seminar Stadium Kulim dipenuhi dengan pengisian bermakna untuk meningkatkan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi sebarang bencana.

Bengkel ini dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, Pegawai Kawasan (Area Officer) MPKK dan wakil komuniti. Bengkel ini diharapkan dapat memberi pengetahuan serta latihan tentang persediaan awal, keselamatan, dan pengurusan bencana kepada hadirin yang terlibat.

Program yang diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKK ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan persediaan masyarakat dalam menghadapi bencana, memperkukuh peranan komuniti dalam pengurusan serta keselamatan ketika bencana, dan menyalurkan maklumat penting daripada agensi seperti APM, PDRM dan BOMBA.

Taklimat telah disampaikan oleh Insp. Ahmad Faris bin Jusoh (Ketua Polis Balai Kulim), Tuan Badrul Hisham bin Johan (Timbalan Penguasa Bomba II, Bomba dan Penyelamat Kulim) serta Encik Muhamad Haziq Fitri bin Jamaludin (MyASPA Pengurusan Operasi / Sekretariat APM Kulim).

PENGUKUHAN INTEGRITI
MPKK MELALUI SPAR





31 Julai 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Integriti melalui Pemahaman Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) di Bilik Mesyuarat Utama MPKK.

Kursus ini disampaikan oleh Encik Alif bin Hamzah, Penolong Pengarah Unit Undang-Undang MPKK, yang bertujuan untuk memberi pendedahan penting kepada anggota MPKK mengenai sistem SPAR yang memainkan peranan utama dalam memperkukuhkan integriti dan membanteras amalan rasuah dalam organisasi.

Kursus ini juga merupakan salah satu langkah MPKK dalam membentuk persekitaran kerja yang lebih beretika dan bertanggungjawab.

8 – 10 Oktober 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Bengkel Penstrukturan Perjawatan pada 5 hingga 7 Oktober 2025, diikuti dengan Bengkel Pelan Strategik MPKK 2026–2030 pada 8 hingga 10 Oktober 2025.

Penganjuran kedua-dua bengkel ini merupakan langkah strategik MPKK dalam memperkukuh struktur organisasi serta memperincikan hala tuju pembangunan dan pengurusan bandar Kulim bagi tempoh lima tahun akan datang.



BENGKEL PENSTRUKTURAN PERJAWATAN
DAN BENGKEL PELAN STRATEGIK MPKK 2026 -2030

Bengkel Penstrukturan Perjawatan memberi fokus kepada penambahbaikan struktur organisasi, penyelarasan fungsi jabatan dan pengoptimuman sumber manusia bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dilaksanakan dengan lebih efisien, berkesan dan berimpak tinggi.

Bengkel Pelan Strategik MPKK 2026–2030 pula bertujuan merangka pelan tindakan jangka sederhana dan panjang yang menyeluruh, meliputi aspek pembangunan fizikal, sosial, ekonomi serta kelestarian alam sekitar, sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan ke arah pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera.

Pelaksanaan bengkel-bengkel ini membuktikan komitmen berterusan MPKK dalam memastikan organisasi sentiasa relevan, responsif dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pentadbiran tempatan serta memenuhi keperluan dan harapan semua pihak berkepentingan.

MPKK merakamkan penghargaan kepada semua jabatan dan individu yang telah memberikan kerjasama serta sumbangan idea sepanjang pelaksanaan bengkel ini. Hasil rumusan dan perancangan yang dibangunkan diharap dapat dijadikan panduan utama dalam memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan mutu perkhidmatan kepada warga Kulim.







LAWATAN KAWAL SELIA PAUN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

28 Ogos 2025 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) telah hadir ke Majlis Perbandaran Kulim bagi melaksanakan lawatan kawal selia paun haiwan.

Delegasi lawatan daripada pihak DVS Putrajaya yang diketuai oleh Dr. Faris bin Mohd Zin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Regulatori Veterinar; dan turut hadir ialah pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah serta Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Kulim.



KUNJUNGAN SYARIKAT PELABUR GEORMICRO
KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM (MPKK)



18 September 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan syarikat pelabur dari China, Georgmicro, yang bakal membangunkan kilang semikonduktor kedua terbesar selepas AT&S di kawasan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) Fasa 4A.

Projek pembangunan Goermicro ini dijangka bermula pada bulan November 2025 dan jangkaan siap adalah menjelang bulan Mac 2027. Projek ini juga telah melalui proses E-10 MPKK (Permit Pembinaan Ekspres), yang menjadi antara pemangkin utama untuk mempercepatkan kelulusan dan pembangunan industri strategik di Kulim.

SINERGI MPKK DAN JKR
KE ARAH BANDAR PINTAR

23 September 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan delegasi daripada JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Kedah yang diketuai oleh Ir. Amalina binti Taib, Ketua Jurutera Elektrik Negeri Kedah.

Lawatan ini memberi ruang untuk perkongsian pengalaman dan kepakaran berkaitan pelaksanaan Sistem KIDS (Kulim Integrated Database System) yang menjadi sebahagian daripada inisiatif Program Bandar Pintar Kulim 2035.



LAWATAN KERJA PLAN MALAYSIA
KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM

12 Oktober 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi PLANMalaysia yang diketuai oleh Puan Gs. Lily Hamaddah binti Ramle, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Delegasi ini disambut oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, AMK., BCK. Puan Setiausaha MPKK.



Sesi taklimat mengenai Permit Pembinaan Ekspres (E10) telah disampaikan oleh TPr. Mohammad Fadhlan bin Ibrahim

LAWATAN KERJA PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH BERSAMA JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH SERTA PEJABAT PERTANIAN DAERAH KULIM



14 Oktober 2025 - Lawatan kerja daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah bersama Jabatan Pertanian Negeri Kedah serta Pejabat Pertanian Daerah Kulim ke beberapa Kebun Komuniti Bandar di sekitar Daerah Kulim.

Lawatan ini melibatkan tinjauan ke beberapa lokasi kebun komuniti termasuk Kebun Komuniti Taman Angsana, Kebun Komuniti Bandar Permata Lunas, Kebun Komuniti Taman Mahsuri, dan Kebun Komuniti Bandar Taman Serai Setia.

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi mengenal pasti projek-projek komuniti yang berpotensi untuk diangkat di bawah Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di bawah Program Keterjaminan Makanan Tahun 2025.

Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Pertanian dan Majlis Perbandaran Kulim dalam memperkukuh inisiatif keterjaminan makanan, pembangunan pertanian bandar, serta penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti hijau dan lestari.







LAWATAN KERJA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA PLANMALAYSIA PULAU PINANG

02 Disember 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Pulau Pinang yang diketuai oleh Pengarahnya, Dato' TPr Gs. Rozita binti Hamit, ke Kulim Intelligent Command Center (KICC), Majlis Perbandaran Kulim.



Sesi diteruskan dengan taklimat khas mengenai peranan dan fungsi KICC yang disampaikan oleh Tuan TPr. Mohammad Fadhlan Bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangann dan Landskap.

Taklimat merangkumi kerangka operasi, teknologi pemantauan, integrasi data serta peranan KICC dalam menyokong aspirasi bandar pintar Kulim.

.

LAWATAN PASCA AUDIT BPEN DAN MIDA KE KULIM

18 Disember 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima Lawatan Pasca Audit oleh delegasi daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang melibatkan delegasi dari Ibu Pejabat MIDA Kuala Lumpur dan MIDA Kedah dan juga pihak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER - Northern Corridor Economic Region).





Delegasi diketuai oleh Cik Zabidah Binti Daud, Pengarah Bahagian Pasca Pelaburan MIDA Kuala Lumpur disambut oleh Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK bersama-sama jabatan dalaman yang terlibat diketuai Ts. Siti Safarah binti Amirnuddin, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPKK.

Lawatan ini merangkumi sesi semakan CCTV projek di KICC, diikuti lawatan ke tapak projek menaik taraf sistem perparitan di Lorong Perusahaan 6 & 6A, Kawasan Perusahaan Kulim, serta projek menaik taraf jalan raya di Jalan Timah dan beberapa lorong sekitar Kawasan Perindustrian Ringan Taman Suasa, Kulim.

MEMPERKUKUH TADBIR URUS STRATA
LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH BALING

18 Disember 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima Lawatan Kerja daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Baling (MDB). Lawatan ini diketuai oleh Puan Nur Ajmalia Binti Abdullah, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Baling.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pendedahan berkaitan pengurusan bangunan berstrata, khususnya peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB). Antara perkara yang dibincangkan termasuk komen OSC bagi Kebenaran Merancang (KM) Strata, pemfailan Jadual Petak, Sijil Formula Unit Syer (SiFUS), serta peranan COB terhadap skim di bawah pengurusan pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).

Selain itu, kedua-dua PBT turut bertukar pandangan mengenai isu, cabaran serta langkah penambahbaikan dalam pengurusan bangunan berstrata.





LAWATAN OLEH BAHAGIAN PERUNDING KEJURUTERAAN AWAM
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



29 Disember 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menerima lawatan delegasi Jabatan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh Tuan Ir. Mohamad Yusrey bin Mahat, Pengarah, Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Lawatan ini bertujuan mendapatkan khidmat nasihat teknikal dan kepakaran daripada Bahagian Kerajaan Persekutuan bagi isu runtuhan dan hakisan cerun dalam kawasan MPKK, bersempadan kawasan perumahan Taman Selasih 5.

Hasil daripada lawatan yang telah dibuat, pihak Unit Cerun KPKT mencadangkan agar kajian terperinci dilaksanakan bagi menilai keadaan cerun serta mengenal pasti langkah penambahbaikan yang perlu diambil segera.

MPKK TERIMA PENGIKTIRAFAN
PENGURUSAN ALAM SEKITAR - WMAM

8 September 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dengan penuh rasa syukur turut menerima pengiktirafan anugerah Excellence in Urban Environmental Management Recognition sempena 20th Anniversary Waste Management Association Of Malaysia (WMAM) Annual Conference 2025 di The Royal Chulan, Kuala Lumpur.



Anugerah berprestij ini merupakan sebahagian daripada 3rd Edition of the Waste Management Achievement Awards, yang dianjurkan oleh Waste Management Association of Malaysia (WMAM) bagi mengiktiraf kecemerlangan dalam amalan pengurusan sisa mampan di seluruh negara.

PENGHARGAAN "PRIHATIN WARGA EMAS"
UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KULIM

5 Oktober 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) melakar satu lagi kejayaan apabila menerima penghargaan "Prihatin Warga Emas" daripada YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang diadakan pada 5 Oktober 2025.



Pengiktirafan ini diberikan atas komitmen MPKK dalam melaksanakan projek mesra warga emas yang membuktikan keprihatinan terhadap kesejahteraan komuniti, khususnya menerusi Projek Prihatin Emas di Taman Tasik Putra, Kulim

MPKK RAIH PENGIKTIRAFAN
SIJIL AUDIT BERSIH

12 Oktober 2025 – YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah hadir ke Pejabat Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Kedah untuk sesi penyerahan Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulim bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.



Sijil tersebut telah diserahkan oleh Pengarah Audit Negeri Kedah, Puan Mazmiza binti Mihat kepada Dato' Yang Dipertua MPKK.

MAJLIS PERBANDARAN KULIM DIIKTIRAF
SEBAGAI SMART CITY EARLY ADOPTER 2025















28 Oktober 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) melakar satu lagi kejayaan membanggakan apabila menerima pengiktirafan Smart City Early Adopter 2025 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas komitmen dan usaha gigih dalam merangka serta melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Pintar Mampan Kulim 2035.

Penganugerahan berprestij ini disampaikan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, diiringi oleh YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, serta YBhg. Datuk TPr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Anugerah tersebut diterima oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dalam majlis penyampaian yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya sempena Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) 2025 dan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025.

Pengiktirafan ini diberikan kepada pihak berkuasa tempatan yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar Malaysia berdasarkan penilaian MS ISO 37122:2019 – Sustainable Cities and Communities Indicators for Smart Cities.





MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TAHUN 2025 (AKM 2025)

TAHNIAH YBHG. DATO' HAJI ELMI BIN YUSOFF!

8 November 2025 - Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) atas kejayaan merangkul Naib Johan Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik (Perbandaran), sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2025 (AKM 2025) yang berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.







Anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. AKM 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan platform pengiktirafan tertinggi kepada warga perkhidmatan awam di peringkat kementerian, jabatan, agensi dan 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara yang telah mempamerkan kecemerlangan, integriti dan kesungguhan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Sebanyak sepuluh (**10**) **kategori** anugerah utama telah diumumkan dalam majlis berprestij ini, antaranya:-



1. **Anugerah Pelaksana Terbilang**
2. **Anugerah Ikon Inspirasi**
3. **Anugerah Organisasi Sejahtera**
4. **Anugerah Organisasi Unggul**
5. **Anugerah PBT Cemerlang**
6. **Anugerah Kepimpinan Harapan**
7. **Anugerah Kepimpinan Berinspirasi**
8. **Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik**
9. **Anugerah Kepimpinan Terbaik**
10. **Anugerah Keunggulan Menteri**

Seluruh warga MPKK menzahirkan rasa bangga dan terharu atas pengiktirafan ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi dan dorongan kepada seluruh warga MPKK untuk terus berkhidmat dengan penuh amanah, dedikasi dan profesionalisme demi kesejahteraan warga Kulim.

Tahniah dan Syabas Dato' YDP MPKK dan tahniah juga kepada semua penerima anugerah AKM KPKT 2025!

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK)
kini memperkenalkan sisitem e-Aduan MPKK
yang berwajah baharu

KULIM SMART CARE
KINI DI HUJUNG JARI ANDA!

